

## Kerjasama UMS-PERHEBAT Wujudkan Kampus Satelit Perkasa Anggota, Veteran Tentera

Terakhir dikemaskini: Rabu, 28 Februari 2018 18:50 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 363

Kongsi 14

Syorkan 14

Kongsi

Tweet

Share



**RABU, 28 FEBRUARI** - Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) bakal mewujudkan Kampus Satelit PERHEBAT-UMS bagi memperkasa ilmu pengetahuan dan kemahiran anggota serta bekas tentera di Sabah.

Kampus Satelit PERHEBAT dan UMS diwujudkan khusus untuk anggota dan veteran tentera selepas mengadakan hubungan dua hala sejak 2016.

Bercakap ketika ditemui pemberita selepas pelancaran kampus berkenaan, Ketua

Menteri Tan Sri Musa Aman berkata, kerjasama pintar itu memberi manfaat kepada pesara dan bakal pesara tentera di Sabah kerana membolehkan mereka menimba ilmu serta kemahiran baharu, sekali gus memperkasa keupayaan diri dalam meningkatkan sosio ekonomi menerusi program latihan ditawarkan.

"Usaha ini juga adalah tanda penghargaan atas segala jasa mereka ketika menjalankan tugas menjaga keselamatan negara dan negeri," katanya.

Beliau yang juga Pro Canselor UMS berkata, kerajaan negeri amat mengalu-alukan dan menyokong penuh usaha tersebut kerana ia memberi peluang kepada pesara dan bakal pesara tentera meningkatkan kemahiran ke tahap lebih tinggi disokong oleh kepakaran UMS.

Pada majlis itu, Tan Sri Musa turut menyaksikan pertukaran memorandum perjanjian (MoA) dan memorandum persefahaman (MoU) antara PERHEBAT dan UMS; Sedcovest@Sedco, Persatuan Penjaja Sabah, APKU Akademi dan ANS Sdn Bhd.

Hadir sama Pengerusi PERHEBAT Leftenan Jeneral (B) Datuk Seri Abdul Aziz Ibrahim dan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.